

→ PENDIDIKAN

[FOTO AMIRUDIN SAHIB/BH]

UKM guna tali pusat bayi rawat sakit lutut



Dr Raja Affendi (dua dari kiri), Dr Abdul Jalil (dua dari kanan), Sharifa Ezat (kiri) dan Karthik pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara UKM dengan MLS di Kuala Lumpur, semalam.

➔ Produk berasas sel stem sumbang kemajuan bidang perubatan

Oleh Osman Lisut
manlee@bh.com.my
Kuala Lumpur

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencatat sejarah apabila menjadi universiti pertama di rantau ini membangunkan produk terapeutik berasaskan sel stem mesenkima alojenik daripada tali pusat bayi. Sel stem yang dinamakan Chondrogen itu adalah usaha sama universiti awam dengan swasta bertujuan merawat pesakit osteoarthritis lutut, sekali gus menyumbang kepada kemajuan bidang perubatan di negara ini. Dekan Fakulti Perubatan UKM, Prof Dr Raja Affendi Raja Ali, ber-

kata kejayaan dihasilkan selepas sepasukan pakar Ortopedik Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), UKM Kuala Lumpur dan Meluha Life Science Sdn Bhd (MLS) menjayakan penyelidikan klinikal translasional sejak Januari lalu. "Kumpulan pakar diketuai Ketua Unit Arthoskopi dan Kecederaan Sukan UKM, Datuk Dr Badrul Akmal Hisham Md Yusoff menggunakan sel stem Wharton's jelly daripada tali pusat bagi merawat kecederaan rawan lutut 10 pesakit Osteoarthritis lutut. "Pencapaian ini bertepatan hala tuju UKM pada standard tinggi serta kawalan kualiti mengikut piawaian antarabangsa dalam menghasilkan sel stem bagi tujuan komersial sepenuhnya seawal

Pencapaian ini bertepatan hala tuju UKM pada standard tinggi serta kawalan kualiti mengikut piawaian antarabangsa dalam menghasilkan sel stem bagi tujuan komersial sepenuhnya seawal 2012," katanya. Beliau mewakili Naib Canselor UKM, Prof Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, berkata demikian pada sidang media selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara UKM dengan MLS di sini, semalam. **Tiada kesan sampingan** Hadir sama Timbalan Dekan (Jaringan dan Penajaan) Fakulti Perubatan UKM, Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh; Pengerusi MLS, Datuk Dr Abdul Jalil Jidon; Pengarah Urusan MLS, Karthik Chandran dan Dr Badrul Akmal Hisham. Chondrogen sudah pun didaftar menerusi Agensi Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA). Sementara itu Dr Badrul Akmal

Hisham, berkata 10 pesakit Osteoarthritis disuntik Chondrogen pada lutut melalui bius setempat tanpa perlu menjalani pembedahan arthoskopi atau pengambilan darah atau sum-sum tulang pelvis. "Masa kritikal 32 jam (tiga hari) menunjukkan tiada kesan sampingan dialami pesakit, malah mereka kini boleh menikmati kualiti hidup lebih baik berbanding sebelum ini. "Untuk pengetahuan, hasil penelitian awal selama enam hingga 12 minggu sudah pun dilaporkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika UKM bagi menunjukkan kesan positif yang signifikan tanpa kesan sampingan," katanya.

2012," katanya. Beliau mewakili Naib Canselor UKM, Prof Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, berkata demikian pada sidang media selepas menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara UKM dengan MLS di sini, semalam. **Tiada kesan sampingan** Hadir sama Timbalan Dekan (Jaringan dan Penajaan) Fakulti Perubatan UKM, Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh; Pengerusi MLS, Datuk Dr Abdul Jalil Jidon; Pengarah Urusan MLS, Karthik Chandran dan Dr Badrul Akmal Hisham. Chondrogen sudah pun didaftar menerusi Agensi Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA). Sementara itu Dr Badrul Akmal